Menjelang SUKMA Perak MS 23






SEPTEMBER 1-15, 2018

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Penang2030
## bergantung kepada penglibatan, semangat rakyat Pulau Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**




**KETUA Menteri ketika membentangkan intipati *Penang2030* di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Dalam tempoh 12 tahun dari sekarang, Kerajaan Negeri mensasarkan kemakmuran hidup sebenar dapat dinikmati rakyat, selain Pulau Pinang dikenali sebagai negeri paling hijau di Malaysia.

Demi mencapai impian tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menggagaskan wawasan pembangunan negeri iaitu *Penang2030* (Pulau Pinang 2030), yang terdiri oleh empat tema utama.

Empat tema itu, menurut beliau, adalah meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk; mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasa rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat sivil dan pelaburan Kerajaan Negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan.

"*(Penang2030)* ini adalah gagasan berwawasan yang realistik dan praktikal, kerana ia membabitkan pembangunan beberapa projek yang sedang dilaksanakan.

"Dan, ia *(Penang2030)* ini bergantung kepada penglibatan serta semangat rakyat Pulau Pinang membabitkan tenaga pakar daripada kalangan pegawai terpilih, kakitangan awam berkebolehan, sektor swasta dan banyak agensi kerajaan," katanya pada Majlis Pelancaran Penang2030 di sini 29 Ogos 2018.

Hampir semua Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang; Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); barisan Ahli Parlimen; ketua-ketua jabatan kerajaan; perwakilan-perwakilan pertubuhan bukan kerajaan (NGO); para pemain industri korporat dan sektor swasta, kira-kira 500 hadirin, turut sertai sesi ucapan serta interaksi dua hala tersebut di sini.

Menurut Kon Yeow, sejak Pakatan Harapan mengambil alih Kerajaan Negeri pada tahun 2008, bekas Ketua Menteri, Lim Guan Eng yang kini adalah Menteri Kewangan Malaysia telah meletakkan Pulau Pinang sebagai jaguh dalam ekonomi.

Selain itu, tambahnya, pentadbiran Guan Eng juga berjaya menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau dengan pelbagai polisi serta program memelihara alam sekitar.

Melihat kepada rekod-rekod kecemerlangan dalam tempoh 10 tahun lepas, Kon Yeow menyatakan bahawa *Penang2030* akan berusaha melonjakkan lagi potensi Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan pilihan utama di rantau ini.

*(Sambungan di muka 2)*

(Sambungan dari muka 1)

# *Penang2030* sasar rakyat makmur, negeri paling mesra alam sekitar




EMPAT tema utama dalam *Penang2030.*

Tegasnya, Kerajaan Negeri akan terus memanggil semua pihak berkepentingan untuk melabur bukan sahaja dalam pembangunan infrastruktur ekonomi, bahkan menghijaukan lagi alam semulajadi Pulau Pinang.

Difahamkan, pelaburan keseluruhan ke Pulau Pinang pada tahun 2017 direkodkan berjumlah RM10.81 bilion, meletakkan negeri di kedudukan kedua terbaik di belakang Johor (RM21.92 bilion).

Pun begitu, RM8.03 bilion pelaburan langsung asing (FDI) ke Pulau Pinang sehingga bulan September 2017 adalah tertinggi berbanding negeri-negeri lain.

"Walaupun ada kebimbangan dalam menguruskan (perbelanjaan) fiskal, Kerajaan Negeri akan terus berusaha menarik pelabur domestik dan pelabur asing ke Pulau Pinang, demi mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan berkualiti untuk warga penduduk negeri.

"Ini semua menyebabkan kita (Pulau Pinang) mempunyai ekonomi berdaya saing dan stabil, sehingga menggamit minat di peringkat antarabangsa.

"Sesungguhnya, Pulau Pinang sekarang berada dalam peta global, dilihat sebagai negeri destinasi pelaburan utama serantau," jelas Kon Yoew.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, Kerajaan Pusat pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), 9 Mei 2018, mempunyai komitmen untuk memulihkan semula pentadbiran serta ekonomi negara.

"Berbanding 10 tahun lampau, keadaan Pulau Pinang hari ini adalah lebih baik untuk rakyat Malaysia berbanding di negeri-negeri lain," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Kata Kon Yeow, segala polisi yang akan diperincikan di bawah *Penang2030* bakal memberi tumpuan terhadap aspek pembangunan kekeluargaan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau dan pintar, serta lonjakan ekonomi dan pembentukan rakyat sivil.




Oleh: **ME**

# *Penang Sentral* dijadual buka 31 Disember

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BAGAN DALAM -** Terminal pengangkutan bersepadu bagi utara Semenanjung Malaysia, *Penang Sentral* di Butterworth akan dibuka pada 31 Disember ini.

Ketika melawat bangunan utama di sini, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menzahirkan rasa gembira apabila projek Persekutuan itu akhirnya bakal dibuka untuk dinikmati rakyat terutama di negeri ini.

"Saya begitu gembira kerana akhirnya *Penang Sentral* akan dibuka juga, ia menjadi simbol era baru kepada ketersambungan sistem pengangkutan awam secara berpusat (iaitu setakat ini) perkhidmatan bas, feri dan kereta api.

"Kita harap projek pembangunan bersepadu ini akan diteruskan dengan menaik taraf perkhidmatan feri," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada sidang media bersempena sesi lawatan kerja berkenaan di sini 14 Ogos lalu.

Turut serta, hampir semua Exco Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pakatan Harapan Pulau Pinang.



BANGUNAN *Penang Sentral.*

Menjawab soalan pemberita, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan terdahulu telah mempunyai cadangan untuk mewujudkan Pusat Transformasi Bandar (UTC) iaitu pejabat-pejabat perkhidmatan kerajaan secara bersepadu untuk rakyat, di bangunan lama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dekat Butterworth.

Justeru, menurutnya, adalah terpulang kepada Kerajaan Persekutuan sama ada kekal dengan cadangan asal ataupun mewujudkan UTC di bangunan pejabat di atas *Penang Sentral*, kelak.

Difahamkan, *Penang Sentral* dimajukan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Persekutuan, Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), dan kelak akan diurus oleh syarikat subsidiarinya, Penang Sentral Sdn. Bhd..

Kos projek pemajuan MRCB berkaitan adalah kira-kira RM280 juta dengan nilai pembangunan kasar (GDP) sejumlah RM2.8 bilion.

Bercakap pada sidang media sama, Ketua Pegawai Operasi MRCB, Shareen Iqbal menyatakan bahawa reka bentuk serta sistem perkomputeran bersepadu *Penang Sentral* adalah termoden dan canggih berbanding sistem pengangkutan bersepadu Terminal Bersepadu Selatan (TBS) dekat Bandar Tasek Selatan serta KL Sentral, dekat ibu negara Kuala Lumpur.

Di tingkat 1, menurut beliau, terdiri daripada 38 tapak parkir bas; manakala di tingkat 2 pula adalah kaunter tiket bersepadu, lot komersial, kaunter tempahan teksi serta ruang menunggu kereta sewa, serta jejantas yang menghubungkan ke pelabuhan feri dan stesen kereta api Butterworth.

Tambah Shareen, sebanyak 55 lot kedai dan sebuah astaka makanan turut disediakan di tingkat 3 hingga tingkat 5.

Ujarnya, *Penang Sentral* juga menyediakan 577 tapak parkir di tingkat 6 hingga 9, demi menggalakkan pengguna kenderaan peribadi bergerak dengan pengangkutan awam bersepadu, dari sini.

Shareen Iqbal memberitahu, projek Persekutuan tersebut mula dilaksanakan sejak tahun 2007, melalui tempoh penangguhan yang panjang sebelum ini adalah demi isu-isu ketuanpunyaan tanah semata-mata.

Fasa 1 *Penang Sentral* yang bakal dibuka pada 31 Disember ini, sedia menampung kapasiti maksimum kira-kira 5,000 pengunjung sehari.

## Purata pengeluaran padi Pulau Pinang lebih tinggi berbanding purata nasional

**BERTAM –** Pulau Pinang mencatatkan purata pengeluaran padi lebih tinggi berbanding purata pengeluaran padi nasional, kata Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Jelasnya, pengeluaran padi di negeri ini mencatatkan peningkatan setiap tahun hasil daripada usaha berterusan semua pihak khususnya para petani serta agensi-agensi kerajaan.

"Pulau Pinang mempunyai lebih 12,000 hektar tanaman padi dengan sebahagian besar kawasannya adalah di daerah Seberang Perai Utara (SPU).

"Pada masa kini, Pulau Pinang merupakan peneraju daripada aspek hasil sehektar berbanding jelapang-jelapang lain di negara ini dengan mencatatkan purata sebanyak 5.8 tan sehektar berbanding purata pengeluaran padi nasional iaitu 4.5 tan sehektar," ucapnya pada Majlis Perasmian Hari Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Pulau Pinang 2018 di sini 16 Ogos lalu.

Hadir sama, Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Mohamad Roff Mohd. Noor; Pengarah MARDI Pulau Pinang, Azmi Abd. Razak; wakil-wakil daripada agensi Negeri dan Persekutuan serta para petani.

Walau bagaimanapun, kata Afif, purata pengeluaran hasil tersebut masih boleh dipertingkatkan melalui penyelidikan berterusan agensi-agensi berkaitan khususnya selepas stesen MARDI di Pulau Pinang dipilih sebagai Pusat Kecemerlangan Padi Negara.

"Dengan kewujudan pusat ini, saya percaya penyelidikan padi akan dapat dipertingkatkan selari dengan trend penyelidikan di peringkat global mengutamakan isu jaminan keselamatan makanan, perubahan cuaca, peningkatan daya saing dan pengeluaran lestari.

"Berpacukan keutamaan ini, adalah penting penyelidikan padi ditumpukan kepada aspek mencungkil kepelbagaian genetik dan pencetusan kumpulan gen novel baharu daripada sumber perbankan sedia ada serta melalui perkongsian gen dengan pusat kecemerlangan lain," katanya.

## Rozali dilantik semula, angkat sumpah sebagai YDP MPSP

**GEORGE TOWN –** Dato' Sr. Rozali Mohamud yang dilantik semula, mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Upacara angkat sumpah tersebut disempurnakan di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sambil disaksikan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Farizan Darus serta barisan Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Ahli-ahli Majlis bagi MPSP.

Pada majlis berkaitan, Kon Yeow menzahirkan ucapan tahniah atas lantikan semula Rozali berkuat kuasa 16 Ogos 2018 sehingga 31 Disember 2019.

"Sepanjang tempoh setahun lalu, sebagai Yang di-Pertua (YDP) MPSP, beliau berpegang terhadap prinsip kerjaya *MPSP by Design Not by Chance* yang turut diterapkan dalam kalangan warga kerja MPSP.

"Beliau juga memperkenalkan *Management by Walking Around* dalam memastikan ketua jabatan dan semua ketua unit *hands on* dalam isu-isu perbandaran di Seberang Perai.

"Saya yakin, dengan visi, misi, slogan dan nilai korporat yang diperbaharui ini, sasaran MPSP ke arah menjadi bandar rendah karbon dan pintar menjelang 2022 akan dicapai," ujarnya yang turut menzahirkan keyakinan atas kepimpinan Rozali menerajui MPSP.

Dalam pada itu, bagi Rozali sendiri, beliau terharu atas lantikan semula berkaitan setelah kali pertama dilantik ke jawatan tersebut pada 1 Julai 2017.

"Saya akan berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadi negeri hijau pertama di Malaysia.

"Malah, kami di MPSP juga sedang merangka Rancangan Strategik yang mempunyai 85 program dan 202 aktiviti untuk dilaksanakan ke arah menjadi bandar pintar dan rendah karbon.

"Saya percaya dengan keyakinan Kerajaan dan sokongan penduduk di Seberang Perai, segala perancangan MPSP akan dapat direalisasikan," ulasnya.

Sepanjang perkhidmatan sebagai YDP MPSP, Rozali telah mengharumkan nama Seberang Perai dan MPSP dengan pelbagai pengiktirafan sama ada di peringkat negeri, nasional mahupun persada antarabangsa.

Malah, kejayaan meletakkan nama MPSP dan Negeri Pulau Pinang dalam *Malaysia Book of Records* sebanyak tiga kali menunjukkan kesungguhan pihak berkuasa tempatan berkenaan menjadikan Seberang Perai sebagai bandar rendah karbon dan pintar di Malaysia.

Tahniah Dato' Sr. Rozali Mohamud!


**KETUA Menteri berjabat tangan dengan Sr. Rozali Mohamud sambil diperhatikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada majlis lantikan semula beliau sebagai YDP MPSP di sini baru-baru ini.**

# Lanjutan tempoh pameran awam PTMP/ PIL, harap umum terus beri maklum balas

Gambar : **ALVIE CHENG**

**GEORGE TOWN -** Kira-kira 16,527 individu memberi maklum balas terhadap cadangan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang untuk melaksanakan projek transit aliran ringan (LRT) George Town ke Bayan Lepas serta pintasan lebuh raya *Penang Island Link* (PIL1), sejak bulan November 2015 hingga 23 Ogos 2018.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu, dalam tempoh itu, sebanyak 965 sesi perbincangan dua hala dilaksanakan membabitkan agensi kerajaan, pengamal media, nelayan, penduduk setempat, ahli perniagaan, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta orang awam.

"Sebagai tambahan kepada penglibatan orang awam, salinan dokumen *'request for proposal'* (RFP) untuk Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) turut diletakkan untuk pameran awam dari 16 Januari 2017 sehingga 17 Februari 2017.

"Kemudian, tempoh pameran awam dilanjutkan sehingga 28 Februari 2017 kerana ada permintaan awam.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan mencapai 1,000 sesi perjumpaan awam tidak lama lagi.

"Apabila kita menerima surat daripada masyarakat yang menyatakan kebimbangan mereka, kita (Kerajaan Negeri) akan cuba menghantar pasukan kita untuk melibatkan diri dengan mereka, supaya mereka boleh mendapatkan gambaran sebenar dengan lebih jelas, dan kita juga boleh mendengar kebimbangan mereka secara langsung," katanya dalam sidang media di sini 23 Ogos lalu.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menyatakan bahawa antara pihak yang menyatakan kebimbangan termasuk pentadbiran sekolah serta Tokong Than Hsiang dekat (Kawasan Dewan Undangan Negeri, KADUN) Bayan Lepas.



CHOW Kon Yeow.

Tambah beliau, pihaknya juga ada menerima maklum balas kononnya proses RFP berkaitan adalah tidak telus.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata, pihaknya tetap melaksanakan cadangan pameran RFP kepada orang awam, sungguhpun tidak ada perundangan menuntut sebegitu.

"Penyerahan dokumen pembida dipamerkan kepada semua untuk diperiksa, yang mana ia tidak pernah dilakukan sebelum ini, tetapi kita (Kerajaan Negeri) tetap melaksanakannya.

"Kita tidak boleh melakukannya (pameran awam) tiap-tiap hari, tapi kita telahpun melakukannya (pameran awam dari 16 Januari hingga 28 Februari 2017).

"Mungkin orang-orang yang mendakwa bahawa kita tidak telus terbabit terlepas peluang pada masa itu," ujarnya sambil memberitahu bahawa selepas ini akan dianjurkan bengkel khas bagi meneliti tiap-tiap maklum balas berwajib.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow sekali lagi menjelaskan bahawa penganjuran 'Sayangi Penangku Hunt' pada 1 September 2018 oleh Kerajaan Negeri adalah bertujuan untuk mendorong lebih ramai orang awam memberi maklum balas pada syor pelaksanaan projek LRT dan PIL1.

Tidak cukup dengan itu, menurutnya, Forum Awam 'PTMP Untuk Pulau Pinang' dianjurkan pada 2 September 2018 di Dewan Sri Pinang.

"Kita (Kerajaan Negeri) berharap orang awam terus memberi maklum balas kerana tempohnya dilanjutkan sehingga 24 September 2018," katanya sambil menyatakan bahawa Kerajaan Negeri masih belum menerima surat rasmi berwajib daripada Jabatan Alam Sekitar.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri turut menanti status kelulusan permohonan laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) dan laporan Penilaian Impak Warisan (HIA) bagi skim jajaran LRT (George Town) ke Bayan Lepas.

"Kita telah mendapat surat balasan daripada Jabatan Warisan Negara berhubung laporan HIA yang dikemukakan untuk (pasar lama) Sia Boey kerana kita akan membina stesen LRT di sana.

"Secara umumnya, saya fikir ia tidak mempunyai isu berkenaan dengan penempatan stesen dalam Sia Boey," ujar Kon Yeow.

## Skim Latihan Dwi-Vokasional Jerman PSDC perlu sokongan pemain industri, pelajar

**BAYAN LEPAS -** Para pemain industri berkapasiti tinggi di negeri ini dialu-alukan mengambil bahagian serta menyokong Skim Latihan Dwi-Vokasional Jerman (GDVT) yang sedang dilaksanakan agensi negeri, Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu, pengajian teknikal dan latihan vokasional (TVET) melalui GDVT yang dilaksanakan kini tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa sokongan pemain industri di negeri ini.

"Kerajaan Negeri menaja RM2 juta untuk menyokong program GDVT di Pulau Pinang.

"Kita harap program (GDVT) ini akan berkembang, kerana untuk memastikan program ini berjaya, perlu ada sokongan daripada Kerajaan Negeri dan pelajar.

"Dan, kedua, yang paling penting adalah sokongan daripada industri kerana tanpa adanya industri, kita (Kerajaan Negeri) tidak boleh membuat program ini," ujarnya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Istiadat Konvokesyen Graduan GDVT di Auditorium Kompleks PSDC dekat Bayan Lepas di sini 28 Julai 2018.

Turut berucap, Pemangku Majlis Pengurusan PSDC, Datuk Teh Yong Khong.

Pengarah Bahagian Penyelaras Bumiputera Pulau Pinang, Unit Penyelaras Pelaksana (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Asuat Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif PSDC, Muhamed Ali Hajah Mydin turut sertai sidang media berkaitan.

Bercakap pada sidang media sama, Muhamed Ali memberitahu, graduan GDVT dari PSDC ketika ini mempunyai lebih banyak peluang untuk bekerja dalam industri-industri berkaitan *'mechatronics'*, berbanding lepasan universiti awam tertentu lain.

"Lepasan universiti ataupun politeknik, perlu menghabiskan semua pengajian dalam tempoh tiga tahun atau empat tahun untuk bidang kejuruteraan *'mechatronics'*.

"Tetapi, pelatih di bawah program GDVT ini, mereka akan belajar dalam jurusan *'mechatronics'* seperti di universiti juga, cuma dilatih secara khusus di industri-industri terpilih, mereka akan graduasi dalam bidang *'mechatronics'* khusus mengenai industri tempat mereka dilatih," jelasnya sambil memberitahu bahawa GDVT berkaitan adalah contoh sistem sokongan diprogramkan Kerajaan Negeri bagi memenuhi permintaan tenaga buruh mahir dalam Revolusi Industri 4.0 kini.



SEBAHAGIAN graduan pada Majlis Istiadat Konvokesyen GDVT di sini baru-baru ini.

Tambah Muhamed Ali, pelatih GDVT tidak membayar sebarang yuran, kerana kos pengajian mereka dibiayai Kerajaan Negeri dan para pemain industri berkapasiti tinggi terpilih.

# RMM di Pulau Pinang paling laris, Exco jelaskan statistik NAPIC bagi Q1 2018

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**




JAGDEEP Singh Deo.

**GEORGE TOWN** – Projek pembekalan rumah mampu milik (RMM) di Pulau Pinang adalah paling laris terjual, kata Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

Beliau berkata demikian sebagai respons terhadap laporan dikeluarkan Pusat Maklumat Harta Tanah Malaysia atau *National Property Information Centre* (NAPIC) mengenai Stok dan Status Kediaman bagi suku pertama (Q1) tahun ini (2018), baru-baru ini.

"Data dikeluarkan NAPIC adalah tidak tepat kerana ia tidak membezakan antara jenis rumah kediaman biasa dan rumah mampu milik.

"Malah, dengan menyatakan bahawa terdapat 4,092 unit kediaman tidak terjual bagi suku pertama tahun ini, dan menjadi antara yang tertinggi di Malaysia juga tidak tepat," ulas beliau pada sidang media di sini 16 Ogos lalu.

Jelasnya, statistik yang dikeluarkan oleh NAPIC merupakan suatu data yang boleh dipertikaikan.

"Standard yang diguna pakai oleh NAPIC adalah mana-mana rumah kediaman yang siap dibina dan tidak terjual dalam tempoh sembilan bulan akan dikira sebagai 'unit tidak terjual'.

"Sedangkan ada unit-unit kediaman ini yang mengambil masa lebih lama untuk dijual mengikut harga kediaman dan lain-lain faktor semasa.

"Lagipun, data yang dikeluarkan oleh NAPIC jelas tidak mengikut kategori sewajarnya, bermakna data tersebut turut merangkumi unit kediaman yang berharga antara RM500,000 sehingga melebihi RM1 juta.

"(Dan) berdasarkan pengiraan saya, hampir 60 peratus daripada 4,092 unit kediaman itu adalah unit kediaman yang melebihi harga RM500,000 atau lebih tepat 901 unit berharga RM1 juta dan ke atas serta 1,482 unit berharga antara RM500,000 ke RM1 juta.

"Jadi, unit kediaman yang paling banyak tidak terjual adalah rumah yang melebihi harga RM500,000, bukannya rumah mampu milik, kerana rumah mampu milik di Pulau Pinang adalah paling laris," ujar beliau yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC).

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep turut mengalu-alukan kenyataan terkini Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berhubung harga kediaman selepas pemansuhan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

"Beliau (Guan Eng) menyatakan bahawa dengan terbatalnya GST, maka harga perumahan di negara ini akan menjadi lebih mampu dimiliki kerana bahan binaan bagi projek-projek perumahan tidak akan dikenakan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

"Oleh itu, di peringkat nasional, saya berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Kementerian Kewangan dapat memperkenalkan satu polisi baharu berhubung had harga siling bagi kediaman mampu milik di Malaysia.

"(Dan) sekiranya ingin menilai semula had harga siling ini, saya berharap harga rumah juga mampu dikurangkan," katanya.

## Usaha kenal pasti kawasan berpotensi perluas tanaman nanas, kelapa

**SEBERANG JAYA –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu, Kerajaan Negeri kini dalam usaha mengenal pasti beberapa kawasan berpotensi untuk dijadikan sebagai tapak pertanian bagi tanaman nanas dan kelapa.

"Buat masa ini, ada beberapa kawasan yang kita (Kerajaan Negeri) telah kenal pasti termasuk di Balik Pulau untuk bahagian pulau, dan Juru serta Batu Kawan (Seberang Perai).

"Untuk makluman, pada masa ini, Pulau Pinang telah keluarkan sebanyak 254 metrik tan kelapa untuk 2017 dengan keluasan tanah seluas 39 hektar.

"(Dan) untuk nanas pula, kita sudah keluarkan sebanyak 3,498 metrik tan dengan jumlah kawasan tanaman hanya seluas 138 hektar.

"Justeru, Kerajaan Negeri berhasrat untuk tingkatkan lagi pengeluaran bagi kedua-dua jenis tanaman ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Kursus Menerokai Sumber Rezeki Baru Pertanian Bagi Industri Kelapa & Nanas Negeri Pulau Pinang anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di sini 16 Ogos lalu.

Hadir sama, Ketua Pengarah FAMA Malaysia, Datuk Ahmad Ishak; Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Mohd. Khairul Zamri Mohd. Salleh; Pengarah FAMA Pulau Pinang, Habibah Sulaiman; Pengarah LPNM Pulau Pinang, Zainuddin Mohammed; Pengarah FAMA Negeri Kedah, Anuar Mohamad dan Pengarah FAMA Perlis, Faizal.

Mengulas lanjut, Afif berkata, Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji untuk memperluaskan Tapak Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda sebagai kawasan penanaman nanas memandangkan tanah berkenaan dimiliki oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA).

"Kita (Kerajaan Negeri) akan kenal pasti potensi kawasan ini untuk dijadikan sebahagian daripada kawasan *'Green Valley'* bagi negeri Pulau Pinang.

"Apa yang penting buat masa ini adalah untuk meningkatkan jumlah penyertaan dan menggunakan kawasan-kawasan tanah berpotensi bagi dijadikan lokasi tanaman nanas," ujarnya.

Dalam pada itu, Mohd. Khairul menjelaskan, selain mendapat permintaan tinggi di pasaran dalam dan luar negara, nanas juga merupakan tanaman yang tahan lasak dan berdaya tahan terhadap penyakit.

"Setakat ini, kalau tanaman nanas dari segi penyakit tidak ada penyakit kritikal yang membawa kepada pemusnahan secara besar-besaran, dan kalau ada pun hanya penyakit biasa yang terkawal," jelasnya ketika ditanya mengenai risiko penyakit yang boleh menyerang tanaman berkenaan.

## Penubuhan JPWK selaras visi Pulau Pinang 2030

**GEORGE TOWN** - Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) yang bakal ditubuhkan di semua 40 kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) negeri ini berperanan menyelaras program-program di bawah MMK Pembangunan Wanita dan Keluarga serta Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bagi memastikan visi Pulau Pinang 2030 direalisasikan dengan sewajarnya.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata, jawatankuasa berkenaan akan diterajui beliau dengan sokongan PWDC dan wakil rakyat di 40 KADUN negeri ini.

"Ketua Menteri ketika berucap di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang baru-baru ini ada menyatakan matlamat untuk menggalakkan persekitaran yang lebih inklusif dalam agenda kekeluargaan, sejajar dengan visi Pulau Pinang 2030 yang memfokuskan terhadap institusi kekeluargaan, negeri hijau dan pintar.

"Sudah tentu ia memerlukan penglibatan semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) untuk bekerjasama menuju ke arah matlamat yang sama," ucapnya pada sesi konsultasi bersama-sama wakil setiap KADUN di sini 17 Ogos lalu.

Menurut Chong Eng, selaku Exco berwajib, Kerajaan Negeri telah memberikan sokongan terutamanya dari segi kewangan untuk menjalankan program seperti pemerkasaan wanita dan pembangunan keluarga.

"Jadi saya berharap melalui JPWK, kita akan dapat mengatasi kekangan yang ada demi mencapai visi Pulau Pinang 2030.

"(Dan) saya juga mengalu-alukan semua cadangan serta pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung hasrat penubuhan JPWK ini sebagai jentera penggerak untuk memperkasakan golongan wanita, lelaki serta anak-anak dalam setiap keluarga di Pulau Pinang," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Leng dalam pembentangannya menyebut bahawa JPWK adalah sebuah 'jawatankuasa oleh wanita demi wanita' yang berperanan menjalankan program-program berteraskan wanita serta keluarga.

"Petunjuk-petunjuk Prestasi Utama atau KPI bagi JPWK salah satunya adalah mengadakan program yang melibatkan penduduk setempat dengan 80 peratus daripada peserta program adalah dalam kalangan wanita.

"(Dan) program-program ini perlu pelbagai iaitu memiliki elemen pemerkasaan wanita, kepimpinan wanita, hentikan keganasan, mewujudkan rangkaian sokongan, berkonsepkan keibubapaan, perkahwinan, pemerkasaan kanak-kanak, kanak-kanak yang berkeperluan khas dan juga penjagaan orang tua.

"Buat masa ini, penubuhan jawatankuasa ini bersama-sama cadangan peruntukan akan dibawa kepada perhatian Exco untuk kelulusan," jelasnya.

# Tanah pertanian lebih luas sebagai jaminan keselamatan makanan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT TAMBUN -** Timbalan Menteri Pertanian & Industri Asas Tani (MOA), Sim Tze Tzin berharap Kerajaan Negeri menyediakan lebih banyak rizab tanah pertanian untuk dijadikan tapak peladangan, pertanian, perikanan dan penternakan secara bersepadu, seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dekat Batu Kawan.

Ketika melawat 'Batu Kawan Agropark' tersebut, beliau berkata, inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang itu akan mengukuhkan lagi jaminan keselamatan makanan *(food security)* negara terutama di negeri ini.

"Pemprosesan, kita ada kekangan daripada segi tanah, justeru saya menyeru Kerajaan Negeri untuk mencari lebih banyak tanah, saya minta ADUN (Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri) bangkitkan isu ini di Dewan (Undangan Negeri Pulau Pinang), kelak.

"Sebabnya, semua kita memerlukan jaminan makanan, tidak boleh mengorbankan tiap-tiap inci tanah semata-mata untuk tujuan perkilangan dan perindustrian," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bayan Baru ketika melawat TKPM di sini 25 Ogos 2018.

Turut serta, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin merangkap ADUN Seberang Jaya; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik; ADUN Machang Bubok, Lee Khai Loon, Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani dan Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Shahbani Ismail.

Menurut Tze Tzin, Kementeriannya berharap di peringkat negeri turut menggalakkan pertumbuhan agrokultur peringkat huluan *(upstream)* dan hiliran *(downstream)*, memandangkan Pulau Pinang mempunyai tanah subur serta sistem rantaian pengangkutan dan industri yang baik.

Dalam perkembangan lain, beliau turut memberi maklum balas terhadap isu 'Harga pasaran cili merah tidak menentu dan senantiasa berubah', sebagaimana dilaporkan dalam akhbar perdana pada 27 Julai lalu.

Menurut Tze Tzin, Kementeriannya masih menyiasat isu lambakan cili merah dalam pasaran domestik baru-baru ini, yang dipercayai diimport dari negara jiran, Vietnam.

Pun begitu, katanya, pihak Kementerian akan memastikan lambakan tersebut tidak akan menjejaskan hasil pendapatan petani tempatan.

"Kita pun nak hentikan aktiviti penyeludupan kerana kita syaki ada aktiviti sedemikian," respons Tze Tzin.

Bercakap pada sidang media sama, Afif memberitahu, TKPM adalah menarik kerana di sini merupakan kombinasi aktiviti pertanian, penternakan, peladangan dan perikanan.

"Jumlah pengeluaran nanas, 180,846 kilogram (kg); manakala udang bagi tahun 2017 sebanyak 117 tan matrik dengan nilai kasar RM1.86 juta.

"Untuk benih, di sini, kita menghasilkan keseluruhan 3.6 juta ekor dengan nilai kasar RM4.5 juta.

"Secara umum, hasil di TKPM ini meningkat setiap tahun dan TKPM kita anggap sebagai suatu projek yang berjaya," ujarnya sambil menyatakan bahawa TKPM adalah projek perintis negeri.

Bermula pada tahun 2010 dengan penternakan ayam sahaja, kini TKPM seluas 284 ekar turut melaksanakan aktiviti pembenihan serta pemeliharaan ikan serta udang, selain peladangan nanas dan cendawan organik.

## 282 pemohon terima surat tawaran rumah Projek Mekar Sari



JAGDEEP Singh Deo (berdiri, tujuh dari kanan) dan Phee Boon Poh (berdiri, enam dari kanan) bergambar bersama-sama wakil-wakil pemaju serta pembeli unit pada majlis penyerahan surat tawaran di sini baru-baru ini.

**BERTAM -** Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menyerahkan surat tawaran membeli Rumah Kos Rendah (Jenis A) dan Kos Sederhana Rendah (Jenis B) Projek Mekar Sari kepada 282 pemohon.

Ketika berucap, Jagdeep memberitahu, bersempena 100 hari pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sejak Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 9 Mei lalu, jumlah unit kediaman untuk semua kategori yang dibekalkan di negeri ini adalah hampir 29,000 buah.

"Ini menunjukkan kita (Kerajaan Negeri) memberi keutamaan pembekalan rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan pelbagai jenis (kategori) rumah mampu milik (RMM).

"Jumlah unit kediaman yang telah dibina, sedang dibina dan akan dibina adalah hampir 80,000 unit (82,472) rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu milik, untuk rakyat Pulau Pinang melalui Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan kerjasama dengan pihak (pemaju) swasta seperti Hunza dalam projek perumahan (Mekar Sari) ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat di Dewan Orang Ramai Pangsapuri Mekar Sari di sini 11 Ogos 2018.

Turut berucap, ADUN Bertam, Khaliq Mehtab Mohd Ishaq dan Pengarah Urusan Kumpulan Hunza Properties Berhad (Hunza), Datuk Khor Siang Gin.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh yang juga ADUN Sungai Puyu.

Difahamkan, projek Mekar Sari yang terdiri oleh 141 RMM Jenis A dan 141 RMM Jenis B dimajukan oleh Tetuan Bandar Kepala Batas Sdn. Bhd, iaitu anak syarikat Hunza Properties Berhad (Hunza).

Mengulas lanjut, Jagdeep menyatakan bahawa Kerajaan Negeri berharap konsep bina dan jual yang diamalkan oleh Hunza turut dicontohi pemaju-pemaju lain.

## *'Cybersafety'* bantu kanak-kanak peka keselamatan siber



SYERLEENA Abd. Rashid (barisan depan, lima dari kiri) pada Majlis Perasmian Program Cybersafety di sini baru-baru ini.

**BERTAM –** Bagi membendung masalah keganasan siber yang semakin menular kini terutamanya melibatkan golongan remaja, Pusat Kesedaran Wanita (*Women's Centre for Change*, WCC) baru-baru ini melancarkan program *'Cybersafety'* membabitkan semua sekolah di negeri ini.

Pelancaran program berkaitan disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid mewakili Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng bertempat di Dewan Seminar, Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Utama di sini.

Program anjuran bersama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang itu merangkumi empat bahagian iaitu aplikasi *chat*, *sexting*, buli siber, penghendap siber serta buku panduan.

Syeerlena berkata, peningkatan kadar jenayah seksual membabitkan media sosial terhadap kanak-kanak menyebabkan tahap keselamatan golongan itu di negara ini berada pada tahap membimbangkan.

"Statistik PDRM (Polis Diraja Malaysia) menunjukkan bahawa dari tahun 2014 hingga 2015, terdapat peningkatan laporan kes sebanyak 200 peratus iaitu daripada 60 kes kepada 184.

"Dengan penggunaan internet yang meluas dalam kalangan kanak-kanak, kadar jenayah seksual melibatkan media sosial berkemungkinan besar akan terus meningkat.

"Oleh itu, perkara ini harus dipandang serius dan perlu ditangani dengan kadar segera," tegasnya ketika membacakan teks ucapan Chong Eng pada program perasmian yang berlangsung pada 13 Ogos lalu.

Turut berucap, Presiden WCC, Mariam Lim dan Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Mohd. Jamil Mohamed.

Mengulas lanjut, kata Syerleena, menyedari hakikat tersebut, pihak WCC mengambil langkah menghasilkan pakej *'Cybersafety'* yang boleh digunakan oleh guru-guru sebagai alat bantu mengajar kanak-kanak tentang keselamatan siber.

"Pelancaran pakej *'Cybersafety'* tersebut akan disusuli dengan latihan ringkas kepada guru-guru tentang cara untuk menggunakan pakej ini.

"Oleh itu, saya sarankan agar guru-guru melaksanakan pendidikan keselamatan seperti program *'Cybersafety'* ini kepada pelajar di sekolah masing-masing.

"Marilah kita sama-sama berusaha ke arah mendidik kanak-kanak menjadi bijak dalam menangani isu-isu keselamatan siber sehingga matlamat yang disasarkan mampu dicapai," serunya.

Mengikut statistik PDRM, sebanyak 82 peratus kes rogol melibatkan kanak-kanak mendapati bahawa mangsa adalah mengenali perogol melalui media sosial.

# Semua acara sukan perlu kelulusan Kerajaan Negeri, Pesuruhjaya Sukan Malaysia

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BAGAN JERMAL –** Semua acara sukan yang akan dianjurkan di negeri ini perlu mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Negeri dan Pesuruhjaya Sukan Malaysia, kata Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee.

Jelasnya, mana-mana pihak termasuk persatuan sukan, badan bukan kerajaan (NGO), sekolah, syarikat persendirian dan sebagainya yang mahu menganjurkan aktiviti sukan terutamanya melibatkan penyertaan orang ramai perlu mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri melalui Pejabat Exco Belia dan Sukan.

"Pulau Pinang sangat aktif dengan penganjuran aktiviti sukan dan kecergasan yang mana hampir setiap minggu pelbagai aktiviti berkaitan dianjurkan di negeri ini.

"Sebagai Exco Belia dan Sukan, saya amat mengambil berat tentang penganjuran aktiviti sukan massa terutama dari segi keselamatan.

"Oleh itu, bagi memastikan aktiviti-aktiviti sukan ini berjalan dengan lancar dan selamat, saya mewakili Kerajaan Negeri telah berbincang dengan Pesuruhjaya Sukan Malaysia berkaitan beberapa peraturan berkenaan penganjuran sukan di negeri ini," kata Lip Chee pada sidang media dekat pusat khidmatnya di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, bagi penganjuran sukan tempatan, tempoh permohonan perlu dikemukakan adalah di antara dua hingga empat minggu sebelum acara berlangsung, manakala bagi acara sukan antarabangsa pula memerlukan masa sekurang-kurangnya tiga hingga enam bulan.



SOON Lip Chee (kiri) menunjukkan beberapa dokumen berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.

"Mana-mana penganjur yang gagal berbuat demikian atau melanggar peraturan yang ditetapkan mengikut Akta Pembangunan Sukan 1997, pindaan Seksyen 36 mulai 1 April 2018 boleh dikenakan denda tidak kurang RM50,000 atau tidak lebih RM500,000 atau penjara dalam tempoh lima tahun.

"Justeru, saya menyarankan kepada semua persatuan sukan dan pihak berkaitan untuk mendaftar di bawah Pesurujaya Sukan Malaysia bagi memudahkan penganjuran pelbagai jenis aktiviti sukan di negeri ini," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.

Difahamkan, permohonan kelulusan boleh dikemukakan kepada Pejabat Exco Belia dan Sukan dengan melengkapkan dokumen-dokumen penting termasuk kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia (PDRM), surat lantikan pasukan keselamatan insurans dan sebagainya.

Mengulas lanjut, Lip Chee menyatakan bahawa penganjur juga boleh memuat turun Borang PSA1/Borang PL1 melalui laman sesawang Pesuruhjaya Sukan Malaysia di *http://pps.kbs.gov.my*.

"Mana-mana pihak yang gagal mematuhi syarat-syarat atau menjalankan aktiviti sukan tanpa kelulusan daripada Kerajaan Negeri akan dikenakan tindakan senarai hitam," ujarnya.

# Malaysia baharu buka ruang masyarakat lakar peranan selaku warganegara

**BERTAM –** Malaysia baharu pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) telah membuka ruang seluas-luasnya kepada setiap masyarakat untuk melakar peranan masing-masing, kata Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar.

Jelasnya, setiap masyarakat harus bersama-sama Kerajaan hari ini untuk memikirkan usaha yang harus dilakukan bagi membina Malaysia dalam konteks proses peralihan kuasa selepas 61 tahun negara diperintah oleh parti gabungan sama.

"Dengan ini, dapatlah kita bersama dalam ruang lingkup untuk memikirkan apa sebenarnya kita usahakan bagi membina negara ini dengan memperlihatkan beberapa cadangan dan juga pandangan.

"Maka, naratif yang kita bawakan adalah sama ada selaku demokrat Muslim atau selaku warganegara harus jelas kerana peralihan kuasa ini hanya dimungkinkan menerusi 82 peratus pengundi yang merasakan bahawa mereka mempunyai kepentingan," ucapnya dalam Seminar Hala Tuju Malaysia Baharu anjuran Angkatan Belia Islam (ABIM) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Beberapa sesi forum dan soal jawab turut berlangsung pada seminar berkenaan antaranya, Forum Memahami dan Memaknai Revolusi Industri 4.0; *Sustainable Development Goals* dan Hala Tuju Malaysia Baharu yang menampilkan panelis terdiri daripada ahli akademik serta wakil rakyat.

Barisan panelis yang diundang khas ialah Profesor Mohamad Fauzan Noordin dari Fakulti Teknologi Dan Multimedia Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); Profesor Kamarulazizi Ibrahim (Ketua Pegawai Eksekutif Global Universal Intellectual Development) dan Jufitri Joha (Naib Presiden Majlis Belia Malaysia yang juga tokoh Belia ASEAN 2014).

Muhammad Faiz Fadzil (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Permatang Pasir) serta Prof. Madya Dr. Zulkifli Hasan (Pensyarah Kanan merangkap Dekan Fakulti Syariah Dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia) turut ditampilkan sebagai ahli panel.



NURUL Izzah Anwar (tengah, berbaju kurung ungu) bergambar kenangan bersama-sama jawatankuasa penganjur serta para peserta pada penganjuran Seminar Hala Tuju Malaysia Baharu di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Nurul Izzah menjelaskan, rakyat hari ini berbeza berbanding semasa enam dekad di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN) yang mana mereka merasakan bahawa parti pemerintah memainkan peranan besar merangkumi 80 peratus daripada dasar-dasar dilaksanakan di negara ini.

"Sekarang tidak lagi kerana mahu tidak mahu, rakyat merasa bertanggungjawab untuk melakukan perubahan, maka Kerajaan dan kabinet yang ada hari ini harus mendengar keluh-kesah serta harus menyelesaikan masalah sebagaimana yang dijanjikan sebelum ini," ujarnya.

# Kerjasama bersama swasta demi manfaat masyarakat setempat dialu-alukan

**BERTAM –** Pembinaan jejantas pejalan kaki di Jalan Dato' Haji Badawi di sini adalah bertujuan menjamin keselamatan pelajar-pelajar sekolah di kawasan ini, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Jelasnya, jejantas sepanjang 80 kaki yang menelan belanja RM400,000 itu ditaja sepenuhnya oleh syarikat Seng Kong Shuttle (SK Shuttle) Sdn. Bhd. di bawah projek tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Kerajaan Negeri telah menerima permohonan daripada pihak SJKC (Sekolah Jenis Kebangsaan Cina) Pei Yu dan SMK (Sekolah Menengah Kebangsaan) Abdul Kadir supaya satu jejantas pejalan kaki dibina untuk keselamatan terutama para pelajar sekolah dan seterusnya mengurangkan kesesakan lalu lintas di sepanjang laluan di sini.

"Saya difahamkan, jalan utama ini akan mengalami kesesakan lalu lintas terutama pada waktu puncak dan pembinaan jejantas ini sekaligus akan memberi manfaat serta menjamin keselamatan 1,800 pelajar di kedua-kedua sekolah ini," ucapnya ketika merasmikan jejantas pejalan kaki dekat SJKC Pei Yu di sini 5 Ogos lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bertam, Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq; Ketua Pegawai Eksekutif Seng Kong Shutter Sdn. Bhd., Tsn Kooi Lin; Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP); pengetua-pengetua sekolah, guru-guru dan komuniti setempat.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan, Kerajaan Negeri juga sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada pihak swasta untuk menaja pelbagai projek di negeri ini yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

"Terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan projek ini, walaupun berskala kecil tapi memerlukan kerjasama semua pihak terutama syarikat SK Shuttle.

"Kita (Kerajaan Negeri) berharap kerjasama ini dapat dieratkan lagi dalam tempoh lima tahun akan datang," ujarnya sambil menambah bahawa pembahagi jalan juga akan dibina di sepanjang laluan berkenaan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi memastikan para pelajar menggunakan jejantas.

Justeru, Kon Yeow berharap agar segala pembangunan yang dilaksanakan di negeri ini dapat memenuhi ekspektasi rakyat terutamanya selepas berlaku perubahan politik pada 9 Mei lalu.

"Rakyat ingin lihat perubahan yang bermanfaat kepada mereka kerana tidak ada guna kita laungkan Pulau Pinang maju tapi rakyat tidak dapat nikmati faedah pembangunan ekonomi ini," tegasnya.

Difahamkan, projek pembinaan jejantas pejalan kaki tersebut dimulakan sejak 2015 dan memakan masa tiga tahun untuk disiapkan ekoran beberapa masalah berkaitan utiliti termasuk kerja-kerja pemindahan tiang oleh pihak Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia dan pili bomba.

Pada majlis itu juga, sebanyak RM10,000 disumbangkan oleh SK Shuttle kepada Tabung Harapan Malaysia.

# Hari Farmasi Sedunia buka peluang kenali skop farmasi

Oleh : **SUNARTI YUSOF**
Gambar : **ENG KOK WEI**

**SEBERANG JAYA –** Sambutan Hari Farmasi Sedunia 2018 yang mengangkat tema *'Pharmacists: Your Medicines Experts'* membuka peluang kepada masyarakat untuk mengenali ahli farmasi dengan lebih dekat, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Majlis Sambutan Hari Farmasi Sedunia *(World Pharmacists Day)* 2018 pada 11 Ogos lalu di sini.

"Skop farmasi sebenarnya adalah sangat luas dan bukan sekadar memberi ubat-ubatan, sebaliknya juga memainkan peranan penting dalam kalangan para pengguna.

"Peranan ahli farmasi juga semakin berkembang, dan kini mereka bertugas di pelbagai sektor seperti (sektor) kesihatan awam dekat klinik-klinik atau hospital, penguatkuasaan dan komuniti yang mana kita lihat ahli farmasi sebagai suatu kerjaya yang mendapat permintaan tinggi," katanya pada majlis berkaitan.

Turut berucap, Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Datuk Wan Mansor Wan Hamzah dan Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Amrahi Buang.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi Malaysia, Dr. Hasenah Ali; Presiden Persatuan Farmasi Komuniti Malaysia, Lovy Beh Yen Shan dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Bahagian Farmasi Pulau Pinang, Zubaidah Che'Embee.

Difahamkan, program yang berlangsung selama dua hari itu turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik antaranya, pertandingan mewarna dan bercerita kanak-kanak, zumba serta karate, kuiz, saringan kesihatan, forum remaja dan banyak lagi.

Mengulas lanjut, Kumaresan menyatakan bahawa tugasan ahli farmasi menjadi semakin penting kerana masyarakat kini gemar membeli produk-produk kecantikan dan kesihatan tular di media sosial yang mana sebahagiannya tidak diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).



**A. Kumaresan (tiga dari kanan) bersama-sama jemputan khas menyempurnakan gimik pelancaran Majlis Sambutan Hari Farmasi Sedunia 2018 di sini baru-baru ini.**

"Bersesuaian dengan tema dipilih, ahli farmasi juga akan membantu pengguna untuk mengenali ubat yang boleh dan tidak boleh diambil oleh golongan tertentu.

"Ianya penting kerana penggunaan ubat-ubatan yang salah boleh mengakibatkan kemudaratan.

"Oleh itu, sebagai pengguna bijak, kita perlu mendapatkan nasihat daripada ahli farmasi dan pihak-pihak yang mempunyai pengalaman dalam bidang ini supaya ia tidak mendatangkan kemudaratan kepada diri sendiri," serunya.




SPECTRUM GARDEN

Hakmilik Kekal
5% Diskaun untuk Bumiputera

RUMAH TERES 3 TINGKAT
Jumlah Unit : 124
Keluasan Binaan : 2743kps - 3342kps • Keluasan Tanah : 1,299kps - 4,667sqft
Harga Jualan : RM 628,000.00 (min) • RM 1,043,000.00 (mak)

RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT
Jumlah Unit : 4
Keluasan Binaan : 4075pks - 4372kps
Keluasan Tanah: 5,567kps - 14,309kps
Harga Jualan: RM 1,000,000 (min) RM 1,000,000 (mak)

Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:
Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang
Tel: 04-6505 242/6505 244 • Fax: 04-2622 904




Pemaju:
FIRST HARVARD SDN. BHD.(1028403-V)
No. 86, 2nd Floor, Lorong Kota Permai 11, Taman Kota Permai, 14000 Bukit Mertajam, Penang
Tel: 04-538 3388

No. lesen :14219-1/02-2019/01353 (L) Tempoh sah : 12/01/2016 - 11/01/2018
No. Permit :14219-1/02-2019/01353 (P) Tempoh Sah: 12/01/2016 - 11/01/2018
Pegangan tanah : Hakmilik kekal Bebanan tanah: OCBC Tarikh jangka siap: Mei 2019
Bilangan unit : Rumah Teres 3 Tingkat (124 unit) Rumah Sesebuah 3 Tingkat (4 unit)
Harga minima & maksima : Rumah Teres 3 Tingkat : RM 628,000.00 (min) - RM 1,043,000.00 (mak)
Rumah Sesebuah 3 Tingkat : RM 1,000,000.00 (min) - RM 1,000,000.00 (mak)
Sekatan Kepentingan : Tiada Pihak yang meluluskan : MPSP
No. kelulusan pelan bangunan : MPSP/40/20-44/111

# Realisasi laluan khas basikal, kembangkan aktiviti berbasikal

| Penjamin 2 | : ZOLKIFLI BIN OSMAN - 68070107****<br>6231 MK 20 KUBANG SEMANG, 14400 PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 12372 |
| Peminjam | : MOHAMMAD KHAIRUL ANWAR BIN MOHD ZAMRI - 93030407****<br>NO.8963, PADANG TEMBUSU 13100 PENAGA, SPU |
| Penjamin 1 | : SARINA BINTI AHMAD - 72032007****<br>NO 148, LORONG RAMBAI 2/3, TAMAN RAMBAI 09600 KULIM, KEDAH |
| Penjamin 2 | : ANIZAN BIN DAUD - 83013102****<br>KAMPUNG HUTAN PUTUS, MUKIM PENGKALAN KUNDOR 06800 KUALA KEDAH, KEDAH |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 12373 |
| Peminjam | : MOHD SAIFUL BIN ABDULLAH - 91110202****<br>1435 JALAN KEBUN SIREH, KAMPUNG SIAM 14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 1 | : ADNAN BIN MT NAYAN - 70070608****<br>NO 6 LORONG BERTAM PERMAI 8, TAMAN BERTAM PERMAI 13200 KEPALA BATAS, SPU |
| Penjamin 2 | : NOR SYAKILA BINTI MT NAYAN - 92122602****<br>1435 JALAN KEBUN SIREH, KAMPUNG SIAM 14000 BUKIT MERTAJAM |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 12374 |
| Peminjam | : MOHAMAD ARIF BIN ROSLI - 89050507****<br>5796 PENGKALAN BATU 13300 TASEK GELUGOR, SPU |
| Penjamin 1 | : MAIMUNAH BT ABD RAHMAN - 60011507****<br>5796 PENGKALAN BATU 13300 TASEK GELUGOR, SPU |
| Penjamin 2 | : NORAZILAWATI BINTI NORDIN - 88112808****<br>NO .1 MEDAN MAJU 7, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 12380 |
| Peminjam | : UBAID BIN ABD AKLA - 87072507****<br>LOT 9145-9 TAMAN BUKIT LELA, BATU 7, JALAN GOMBAK 53100 KUALA LUMPUR |
| Penjamin 1 | : USAID BIN ABD AKLA - 87072507****<br>29-2 JALAN WANGSA DELIMA 2A, SEKSYEN 5, WANGSA MAJU 53300 KUALA LUMPUR |
| Penjamin 2 | : MUHAMMAD SYAFIQ B. AZMI - 88063008****<br>LOT 3101(20)C, BATU 10 1/4, KG BUKIT LANJAN, JLN DAMANSARA 60000 WP KUALA LUMPUR |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 12387 |
| Peminjam | : NURUL IMAN BINTI AHMAD FAISAL - 90022207****<br>4366, MUKIM 11, JALAN KEBUN SIREH 14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 1 | : NADIA FITRIAH BINTI AHMAD FAISAL - 85092326****<br>NO.4366 MUKIM 11, JALAN KEBUN SIREH 14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 2 | : NAJAH FARAHIN BINTI AHMAD FAISAL - 79012302****<br>NO.2550 KILOMETER 2, JALAN PADANG NYU 02600 ARAU, PERLIS |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 12407 |
| Peminjam | : ELLI AIMAN BINTI MOHD NASIR - 93101207****<br>1672 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS |
| Penjamin 1 | : MOHD NASIR BIN ISHAK - 60061202****<br>1672 LORONG MASJID , PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU |
| Penjamin 2 | : MOHD NAZRI BIN DAUD - 78020407****<br>10389 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU |

# *The 12 Waves*, gudang satu tingkat terbesar negara kini di Pulau Pinang - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BUKIT TAMBUN -** *'The 12 Waves'*, yang dibuka oleh *PKT Logistics Group* dengan luas lantai 645,640 kaki persegi merupakan gudang satu tingkat paling besar di Malaysia.

Ketika berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menzahirkan penghargaan ekoran Pulau Pinang dipilih sebagai destinasi pelaburan masa depan firma korporat tempatan tersebut.

"Saya begitu gembira kerana *PKT Logistics Group* memutuskan untuk memacu pertumbuhan fasa seterusnya mereka di Pulau Pinang, (yang kini dianggap sebagai) 'Lembah Silikon Timur', gerbang import dan eksport yang dinamik di wilayah utara Semenanjung Malaysia, juga hab logistik negara terkemuka, malah merupakan salah satu destinasi pelaburan pilihan utama di rantau ASEAN," katanya ketika merasmikan pembukaan *The 12 Waves* dekat Taman Perindustrian Batu Kawan di sini 18 Ogos 2018.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberitahu, industri logistik merupakan sektor sokongan paling penting dalam melonjak perkembangan industri pembuatan di negeri ini.



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri meneliti pelan gudang sempena Majlis Pembukaan The 12 Waves dekat Taman Perindustrian Batu Kawan di sini baru-baru ini.**

"Tahun lepas sahaja, pelaburan dalam sektor pembuatan yang diluluskan di Pulau Pinang mencatatkan RM10.8 bilion, mengatasi rekod terbaik 2016 dengan peningkatan 152 peratus, dan kedua tertinggi di Malaysia," jelasnya.

Tambah beliau, dengan adanya Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dan Pelabuhan Pulau Pinang, ia akan mengoptimumkan *'The 12 Waves'* sebagai gudang logistik penting bagi industri pembuatan utama seperti *Mazda, BMW, Peugeot, Kia* dan *Hyundai*.

Selain itu, Kon Yeow turut memuji inisiatif *PKT Logistics Group* yang menyokong usaha Kerajaan Negeri membina bakat dalam kalangan pekerja sendiri, dengan mewujudkan program ABIB atau 'Anak Belajar Ibu Bekerja' di tempat bekerja.

"Program ini akan menggalakkan suri rumah kembali ke tempat kerja dengan jadual kerja lebih anjal serta bergantung kepada kesesuaian mereka sendiri.

"Saya berharap pihak lain juga akan mencontohi program ABIB ini, dengan menyediakan lebih banyak peluang kerjaya kepada suri rumah yang berminat untuk kembali bekerja," jelasnya.

Sebelum itu, Pengerusi Kumpulan PKT Logistics, Datuk Wira Jalilah Baba menyatakan bahawa pihak pentadbiran korporat turut memperuntukkan RM3 juta bagi mewujudkan kawasan lapang ala-ala Taman Mini Jepun yang unik, direka bentuk oleh kurator istimewa dari Tokyo, untuk dikunjungi orang awam kelak.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar dan Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Yusni Md. Yusop turut sertai majlis perasmian *'The 12 Waves'*, iaitu gudang satu tingkat terbesar negara di negeri ini.





TAMAN BERTAM FLORA

Kepala Batas, Pulau Pinang

Hakmilik Kekal
5% Diskaun untuk Bumiputera

RUMAH TERES 2 TINGKAT

Jumlah Unit : 7
Harga Jualan : RM 450,000.00 (min)
RM 710,000.00 (mak)
Keluasan Binaan : 1800kps (min) - 1800kps (mak)
Keluasan Tanah : 2001kps (min) - 4777kps (mak)

Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:
Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang
Tel: 04-6505 242/6505 244 • Fax: 04-2622 904

RUMAH SIAP DI BINA

CCC TELAH DI PEROLEHI



Pemaju:
MEMORY EDGE SDN BHD(925763-A)
36-G, Jalan Kampung Gajah, Seksyen 2, Taman Bagan Jermal, 12200 Butterworth
Tel: 04-310 3223 Fax: 04-310 3221

# Kod QR Program Sisa Sifar Taman Bagan Lalang sebagai projek perintis

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **G. REVATIC**

**PADANG LALANG -** Projek perintis Program Sisa Sifar melalui imbasan kod QR pada bekas pengumpulan sisa yang dilancarkan di Taman Bagan Lalang dekat Butterworth bertujuan membantu Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengumpul data berwajib secara pintar.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, pihaknya berharap kaedah itu dapat menggalakkan lebih ramai daripada komuniti setempat mengambil bahagian dalam kempen anjuran bersama Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang dan MPSP.

"Pada ketika ini, hanya 174 rumah melibatkan diri dalam program sisa sifar, yang dilaksanakan sejak tahun 2010.

"Projek perintis ini, kita mula demi menggalakkan semua kira-kira 350 rumah melibatkan diri.




SEBAHAGIAN penduduk menunjukkan penggunaan kod QR pada bekas pengumpulan sisa.

"Apabila ada program kempen sisa sifar sebegini, dengan guna (imbasan) kod QR, MPSP juga boleh mengutip data," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu bersempena majlis pelancaran program berkaitan di sini 12 Ogos 2018.

Tambah Boon Poh, ketika ini, kira-kira 60 peratus sisa yang dijana oleh komuniti setempat dihantar ke program Pelupusan Sampah Pulau Burong.



PHEE Boon Poh (kiri sekali) bersama-sama penduduk setempat pada Majlis Pelancaran Program Sisa Sifar Taman Bagan Lalang di sini baru-baru ini.

## *Penang Green Carnival* semai kesedaran penjagaan alam sekitar ke arah negeri hijau

**PERAI –** Penganjuran *Penang Green Carnival 2018* bukan sahaja dapat memupuk rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar, sebaliknya turut menyemai kesedaran bahawa betapa pentingnya penjagaan alam sekitar dalam kalangan masyarakat di negeri ini.

Perkara itu dinyatakan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh pada majlis perasmian karnival berkenaan di sini 4 Ogos lalu.

Menurutnya, setiap pembangunan yang dilaksanakan di negeri ini harus mengambil kira aspek kelestarian alam sekitar agar generasi akan datang mampu menikmati lebih banyak manfaat.

"Malaysia menandatangani perjanjian alam sekitar di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) semasa Persidangan Kemuncak Bumi pada tahun 1992 di Rio de Janeiro yang mana salah satu usaha adalah melalui Agenda 21 iaitu, penekanan terhadap pembangunan seimbang serta lestari.

"Saya faham bahawa sesuatu pembangunan yang dilaksanakan harus mempunyai nilai ekonomi kerana tanpa ia masyarakat tidak akan berminat, namun setiap pembangunan itu tidak boleh sehingga menjejaskan alam sekitar," tegasnya.

Hadir sama pada penganjuran yang berlangsung selama tiga hari bermula 3 Ogos itu, Pengarah Urusan Auto-City, Gary Teoh, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan wakil-wakil penaja.

Selain pameran, turut berlangsung adalah pertandingan pertunjukan fesyen menggunakan bahan dikitar semula, larian ria, forum berkaitan alam sekitar, pertandingan mewarna kanak-kanak serta cabutan bertuah.

Mengulas lanjut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu itu menjelaskan, bagi tujuan menjaga alam sekitar, Kerajaan Negeri akan melaksanakan inisiatif mengharamkan penggunaan beg plastik sekali guna mulai 1 Januari 2019.

"Saya sedar langkah ini kurang popular, namun saya bersedia untuk menghadapi akibatnya kerana saya tidak ada pilihan lain selain menjaga kepentingan masyarakat dan negara.

"Justeru, sebagai seorang yang dipertanggungjawabkan di bawah portfolio alam sekitar, saya akan memastikan hasrat Pulau Pinang untuk menjadi negeri hijau pertama di negara ini tercapai dan seterusnya menjadi inspirasi kepada negeri-negeri lain di Malaysia," ujar Boon Poh.



# Negeri mesra basikal, Pulau Pinang tawar pelbagai laluan menarik

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN -** Seramai 3,500 peserta yang mengambil bahagian dalam Kempen Laluan Berbasikal atau *Campaign For A Lane* (CFAL) Edisi Ke-10 menyelusuri laluan sejauh 82 kilometer mengelilingi pulau baru-baru ini.

Menariknya, edisi kali ini yang dinamakan 'Kayuhan Bebas GST' dilepaskan dalam acara gemilang oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng yang juga antara individu tegar meminati kayuhan basikal, dekat Padang Kota Lama di sini.

Guan Eng yang juga mantan Ketua Menteri berkata, acara kayuhan basikal seperti CFAL berkaitan diadakan hampir saban minggu di Pulau Pinang.

"Setiap minggu, acara kayuhan basikal seperti ini akan turut disertai oleh peserta luar dari Pulau Pinang.

"Malah, pada penganjuran ini...saya difahamkan 70 peratus peserta CFAL adalah dari luar Pulau Pinang," ucapnya sebelum acara pelepasan peserta penganjuran berkaitan.

Hadir sama, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Kenny Theng Soon Yew dan Pengerusi G Club Pulau Pinang, Datuk Dr. Lim Seh Guan.



**LIM Guan Eng (tiga dari kiri) menyempurnakan acara pelepasan peserta CFAL Edisi Ke-10 di sini baru-baru ini.**



**SUASANA di Padang Kota Lama pada hari penganjuran.**

Mengulas lanjut, sebagai sebuah negeri mesra basikal pertama dalam negara, Guan Eng menyatakan bahawa Pulau Pinang menawarkan banyak laluan basikal menarik untuk diterokai.

"Kita mahu rakyat Malaysia yang sihat dan kuat serta negara Malaysia yang bersih dengan semangat baharu.

"Jadi, (para peserta) nikmatilah kayuhan ini, nikmatilah laluan basikal berdedikasi dan jangan lupa datang ke sini (Pulau Pinang) lagi, terokailah permandangan indah yang pasti tidak akan mengecewakan anda semua," katanya yang turut menyertai kayuhan berkaitan bersama-sama isteri, Betty Chew Gek Cheng.

Bertemakan *'10 Years Strong, Ride On'*, CFAL 2018 ditaja oleh Kumpulan Ideal Property.

Pelepasan peserta dilakukan di Esplanade, Jalan Padang Kota Lama dengan para peserta melalui Weld Quay sebelum memasuki kawasan industri bebas di Bayan Baru ke Teluk Kumbar dan menuju ke Balik Pulau, Batu Ferringhi, Tanjung Bungah, Tanjung Tokong sebelum tiba semula di Padang Kota Lama.



# Sungai Perai Nature Walk cetus kesedaran jaga kebersihan sungai

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MPSP**




SR. Rozali Mohamud (berkopiah) dan Ir. Rosnani Mahmod (barisan depan, bertudung biru) menyempurnakan gimik pelepasan peserta Sungai Perai Nature Walk 2018 di sini baru-baru ini.

**SUNGAI DUA –** Pencemaran sungai yang tidak terkawal bukan sahaja boleh mengundang kepada bencana seperti banjir kilat, malah turut menjadi punca kepada penyebaran wabak penyakit.

Menyedari hakikat itu, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan kerjasama Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang serta *Z-Art Eventive Enterprise* mengambil inisiatif menganjurkan Sungai Perai Nature Walk 2018 di bawah Program Butterworth Baharu.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, program tersebut dianjurkan bertujuan mempromosikan aktiviti sihat dan pada masa sama menyuntik kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan sungai.



PARA peserta menyelusuri  laluan denai.

"Selain itu, program berkaitan juga merupakan salah satu platform dalam mengetengahkan aktiviti ekopelancongan di Seberang Perai serta memberi peluang kepada penduduk untuk melihat keindahan Sungai Perai ini.

"Syukur, kerana mereka yang menyertai program ini adalah mereka yang cintakan sungai, cintakan alam sekitar dan cintakan Seberang Perai," ucapnya pada majlis pelepasan peserta program di sini 29 Julai lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin; Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod; Pengarah Urusan Zart Eventive Enterprise, Zaini Zainul; Pengarah Projek ThinkCity, Murali Ram; Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MPSP.

Seramai 500 peserta yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat mengambil bahagian dalam program tersebut yang bermula seawal jam 7.30 pagi.

Difahamkan, para peserta berjalan sejauh 6.6 kilometer bermula dari Medan Selera Sri Tambang Mee Udang Sungai Dua sebelum menyelusuri Sungai Perai melalui kawasan penternakan lembu, sawah padi serta berhenti di Jeti Nelayan Sungai Terus, Penanti dan berpatah balik ke Medan Selera Sri Tambang Mee Udang Sungai Dua.



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian.



KEINDAHAN Sungai Perai.



# Skuad memanah buru pencapaian terbaik

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**SELEPAS** cemerlang pada Sukan Malaysia (SUKMA Ke-18) Sarawak pada 2016, skuad memanah Pulau Pinang kini gigih berlatih bagi mengharungi temasya dwi tahunan (SUKMA Perak Ke-19) yang bakal berlangsung pada 13 hingga 22 September ini.

Menanti dengan penuh debaran, Buletin Mutiara baru-baru ini berkesempatan meninjau kem latihan skuad memanah negeri di padang Sekolah Kebangsaan (SK) Jalan Residensi.

Jurulatih skuad memanah, Shamini Ganeson memberitahu, skuad bawah bimbingannya bertanding bagi kategori *recurve* dan *compound*, kini sudah bersedia memburu pencapaian terbaik.

"Skuad kita pada kali ini dibarisi seramai 16 atlet memanah, dan kita bertanding dalam enam kategori utama dari 30 meter (m) sehingga 90m.

"Dalam persiapan menghadapi SUKMA Perak ini, kita menjalankan latihan dari 8:30 pagi hingga 11:30 pagi dan 3 petang hingga 6 petang di sini (padang SK Residensi)," kata beliau.

## Sasaran

Menyentuh tentang sasaran skuad kali ini, Shamini mengharapkan pencapaian adalah lebih baik daripada di Sarawak pada edisi 2016.

Dimaklumkan, pada 2016, menyaksikan skuad memanah negeri berjaya membawa pulang dua emas dan satu perak.

Ketika itu, M. Khambeswaran berjaya memecah rekod kebangsaan dengan mengumpul 360 mata bagi acara 30 m.

Justeru, beliau berharap skuad memanah negeri kali ini yang akan bertandang ke Universiti Teknologi Petronas (UTP), Tronoh, dapat mengulangi rekod cemerlang Khambeswaran.

## Sukan Memanah

Menurut Shamini, sukan memanah adakalanya mungkin kurang mendapat perhatian daripada ibu bapa, dan mungkin juga bermula pada minat dalam kalangan pelajar itu sendiri.

Di sebalik semua cabaran itu, Shamini menegaskan bahawa memanah sebenarnya ada 'kekuatan' dan 'keunikan' tersendiri.

"Melalui sukan memanah, sebenarnya ia dapat membentuk disiplin pelajar itu sendiri.

"Ini, merupakan *feedback* yang saya dapat melalui para ibu bapa atlet-atlet yang menceburkan diri dalam bidang ini.



SHAMINI Ganeson (kanan sekali) bergambar kenangan bersama-sama barisan atlet sukan memanah Pulau Pinang.

"Memanah ini sebenarnya adalah satu *mental game* yang mana pelajar perlukan satu fokus tinggi, jadi secara tidak langsung ia dibawa dalam kehidupan seharian.

"Dari situ, kita dapat lihat pencapaian akademik pelajar itu sendiri meningkat kepada satu tahap yang lebih baik, daripada sebelum pelajar itu menceburi bidang memanah," ujarnya yang sudah berkhidmat selama 10 tahun dalam bidang memanah di negeri ini.

## Masa Depan Sukan Memanah Pulau Pinang

Shamini menyifatkan bahawa Pulau Pinang bukan satu 'kuasa' memanah besar di negara ini, namun beliau optimis bahawa skuadnya kini bergerak ke arah tersebut.

"Seperti kita tahu, kuasa besar memanah negara lazimnya datang dari Johor, Sabah serta Terengganu, dan jika kita lebih gigih, saya yakin Pulau Pinang mampu bergerak seriring negeri-negeri tersebut.

"Untuk memperkuatkan cabaran Pulau Pinang dalam sukan ini, kita sebenarnya perlukan penglibatan lebih daripada sekolah-sekolah, institut-institut pengajian dan dorongan ibu bapa serta guru-guru.

"Untuk rekod, kini kita ada 10 hingga 15 sekolah Pulau Pinang yang bernaung dengan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP)," jelasnya.

Harapan Shamini, lebih banyak sekolah di seluruh Pulau Pinang akan melibatkan diri dalam sukan memanah demi menjana lebih ramai bakat-bakat baharu.

"Bila ramai yang sertai memanah, secara langsung ianya akan memperluaskan lagi 'pasaran' atlet di samping memberi saingan antara satu sama lain, merebut tempat lalu kita akan dapat melahirkan atlet yang terbaik.

"Untuk di sebelah Seberang Perai, kita juga ada pusat latihan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pauh Jaya," katanya.

"Bagi yang berminat untuk menyertai sukan memanah, boleh menghubungi Persatuan Memanah Pulau Pinang melalui jurulatih Salina Erierpius.

"Lazimnya, seseorang yang berminat untuk menceburkan diri dalam sukan ini akan diberi latihan asas selama sebulan sebelum diserap masuk (jika berkelayakan).

"Dalam tempoh tersebut segala komitmen, semangat, bakat dan sebagainya akan dinilai serta dimaklumkan berkenaan peralatan memanah yang mampu mencecah RM2,000 (asas)," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menyokong perkembangan sukan memanah di Pulau Pinang.

# Skuad pencak silat optimis hasil keputusan baik

**"MUNGKIN** apabila melihat kontinjen pencak silat Pulau Pinang yang kecil, pasti pihak lawan memperkecilkan kekuatan kita, namun awas dengan kualiti dan kemampuan yang bakal dipamerkan".

Itu antara ungkapan dilontarkan jurulatih Silat Olahraga (Tempur) Pulau Pinang, Shuhairi Chin ketika menerima kunjungan Buletin Mutiara baru-baru ini.

Ikuti temubual eksklusif penulis, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurufoto, **DARWINA MOHD. DAUD** di Balai Adat, Batu Uban bersama-sama pasukan berkaitan baru-baru ini.

Menurut Shuhairi, kebiasaan setiap kali berlangsungnya Sukan Malaysia (SUKMA), negeri Pulau Pinang memang akan menghantar skuad pencak silat yang kecil jika hendak dibandingkan dengan negeri lain.

"Untuk SUKMA Perak Ke-19 tahun ini, kita hantar enam peserta untuk silat olahraga dari Kategori B, C, D, E, F dan G bersama-sama tiga lagi pesilat untuk silat seni (ganda putera dan solo kreatif) menjadikan skuad kita hanya sembilan orang," katanya memulakan bicara.

## Pemilihan dan Kualiti

Shuhairi menegaskan bahawa kriteria untuk menyertai skuad SUKMA bukanlah mudah kerana *standard* yang diletakkan amat tinggi bukan sekadar tangkap muat dan minat semata-mata.

"Mereka yang terpilih ini rata-ratanya sudah memiliki pingat... maknanya sebelum terpilih mereka sudah menyertai beberapa kejohanan sebelum ini di peringkat remaja, kebangsaan mahupun antarabangsa dan dari situ kita pilih.

"Tahun 2016, SUKMA di Sarawak pun kita hantar skuad yang kecil juga sebenarnya, namun dengan kualiti yang kita ada, kita bawa pulang dua emas dan satu gangsa menjadikan kita berada tempat kelima terbaik bagi sukan ini.

"Berbanding ada negeri lain, boleh dikatakan mereka hantar skuad penuh dalam semua kategori, tetapi pulangan pingat ada kurang daripada pasukan kita... dari situ kita lihat betapa pentingnya kualiti untuk kita berentap dalam sukan pencak silat ini," jelasnya yang sudah berkecimpung dalam sukan pencak silat Pulau Pinang sejak tahun 2004.

## Berdepan SUKMA Perak

Menghadapi cabaran di SUKMA Perak, sejak April lalu, Shuhairi menyatakan bahawa anak buahnya sedang melalui fasa akhir latihan.

Tidak meletakkan sasaran tinggi menggunung, beliau mengharapkan setidak-tidaknya mampu menyamai pencapaian dua tahun lalu.

"Kalau boleh mestilah nak lebih lagi kerana suatu ketika orang luar pernah pandang rendah saja kepada kita, namun pencak silat Pulau Pinang sebenarnya apabila menyertai kejohanan pasti mencuri tumpuan, maka daripada situ mereka akan kembali hormat pada kita.

"Kelebihan tetap saya sasarkan kepada pasukan Pahang yang memiliki ramai atlet kebangsaan dan tuan rumah Perak... kerana kita tahu tuan rumah ni semangat lain macam sikit," ujarnya yang juga pernah menjadi atlet silat kebangsaan selama lima tahun.

Menyentuh soal harapan pasukan, Shuhairi menyatakan bahawa banyak faktor dilihat sebagai penentu kejayaan dalam sukan silat olahraga.

"Misalnya undian peserta, daripada situ kita boleh lihat dan ramal sedikit-sebanyak laluan yang bakal pesilat kita hadapi.



PASUKAN silat olahraga Pulau Pinang diketuai Shuhairi Chin (bengkung jingga) memberi gaya istimewa pada sesi latihan dekat Batu Uban baru-baru ini.

"Kadang-kadang ada pesilat yang kita letak harapan tinggi, tapi apabila hari pertandingan dia *'down'*, dan peserta kita tak berapa letak harapan, namun apabila hari pertandingan kita tengok pesilat lebih bersemangat dan *produce result* pula.

"Itu adalah perkara biasa dalam sukan... janji mental kena kuat apabila masuk pertandingan selain daripada latihan fizikal yang kita jalani," katanya yang telah menjadi jurulatih sejak 2013.

## Masa Depan Sukan Silat

Shuhairi dalam pada itu mengakui bahawa untuk mencari bakat baharu kini bukanlah suatu perkara mudah dalam dunia silat hari ini sambil didorong beberapa faktor seperti sosial, pembangunan, peluang pekerjaan dan sebagainya.

"Namun, saya harap budaya dan sukan silat ini mampu terus diperlihara kerana daripada anak-anak muda ini menghabiskan masa dengan mengadaptasi budaya luar yang sesetengah itu tiada faedah, tidak salah rasanya mereka cuba dengan sukan silat yang dilihat banyak membawa unsur-unsur perkara positif, paling mudah adalah membekalkan ilmu bela diri kepada kita," ujarnya menutup bicara.

# Sasar tanam 150,000 pokok dalam tempoh lima tahun

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SUNGAI PINANG -** Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menyasarkan sebanyak 150,000 pokok bakal ditanam dalam tempoh lima tahun dari sekarang.

Katanya, jumlah tersebut adalah melebihi 50,000 pokok daripada yang dijanjikan dalam Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang pada kempen Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) baru-baru ini.

"Kalau boleh, saya nak sarankan lebih daripada apa yang dijanjikan dalam Manifesto.

"Macam juga penggantian lampu-lampu jalan yang menggunakan *light emitting diode* (LED) dan penambahan kamera litar tertutup (CCTV), yang difahamkan juga lebih daripada apa yang pihak berkuasa tempatan (PBT) janjikan.

"Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri hijau, dalam tempoh dua penggal pemerintahan, kita telah berjaya menanam kira-kira 270,000 pokok melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan kerjasama pihak swasta," katanya pada program penanaman pokok *star apple (Chrysophyllum Cainito)* dekat Lengkok Dumbar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang.

Selain Lengkok Dumbar, turut diadakan serentak adalah di dua lokasi berasingan iaitu penanaman 10 pokok *orange jasmine* di Jalan Jelutong dan Jalan Ahmad Nor (10 *golden shower* serta 36 *tekoma*).



**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan), Lim Siew Khim (barisan depan, tiga dari kanan) dan Ar. Yew Tung Seang (kanan sekali) menyempurnakan gimik program penanaman pokok *star apple (Chrysophyllum Cainito)* di sini baru-baru ini.**

MATTA FAIR®
PENANG
Setia SPICE Arena
28 - 30
SEPTEMBER 2018
10 pagi - 9 malam
Dianjurkan oleh:
MATTA
MALAYSIAN ASSOCIATION OF TOUR & TRAVEL AGENTS
The National Travel Association
Disahkan oleh:
MINISTRY OF TOURISM AND CULTURE MALAYSIA

# Pengusaha premis makanan digesa tingkat kebersihan

**JAWI –** Semua pengusaha premis makanan di Seberang Perai digesa supaya meningkatkan tahap kebersihan premis masing-masing bagi mengelakkan daripada dikenakan sebarang tindakan undang-undang.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, pihaknya kini sedang melaksanakan kempen pendidikan kebersihan premis makanan bermula 31 Julai lalu hingga November 2018, dan penguatkuasaan bakal dilaksanakan selepas tamat tempoh berkaitan.

"Pada tahap yang kita (MPSP) panggil sebagai peringkat pendidikan ini, kita (MPSP) sediakan senarai semak yang akan diserahkan kepada pengusaha untuk ditandatangani, dan kita (MPSP) akan tanda mana-mana bahagian yang mereka (peniaga atau pengusaha premis makanan) patut serta sudah capai.

"Selepas dua minggu, Ahli Majlis atau wakil jabatan akan membuat pemeriksaan dan sekiranya peniaga atau pengusaha premis makanan tidak mengambil apa-apa tindakan (pembersihan, misalnya) kita (MPSP) akan kompaun.

"Kita (MPSP) juga akan tamatkan lesen dan tutup premis makanan bergantung kepada sejauh mana kesalahan yang dilakukan," jelasnya pada sidang media selepas merasmikan Kempen Kebersihan Premis Makanan dekat Pasar Awam Taman Berjaya di sini 17 Ogos lalu.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis bagi MPSP antaranya A'ziss Zainal Abiddin, A. Johnson, Heng Yeh Shiuan serta Ketua-ketua Jabatan MPSP.



SR. Rozali Mohamud (empat dari kanan) meramahi serta menjelaskan kepada salah seorang peniaga berhubung Kempen Kebersihan Premis Makanan oleh MPSP di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, kata Rozali, fasa kedua iaitu peringkat penguatkuasaan yang akan bermula pada 3 Disember 2018 hingga 3 Februari 2019 adalah melibatkan pemeriksaan ke atas premis-premis khususnya yang berada di dalam kategori Gred C.

"Dalam tempoh dua bulan itu, jika mereka masih (peniaga atau pemilik premis) tidak boleh mencapai tahap kebersihan mengikut syarat perlesenan khususnya melibatkan penyediaan makanan, tempat makan, tempat meletakkan makanan, maka kita (MPSP) tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan kompaun, atau sekiranya kesalahan itu serius kita (MPSP) akan tutup kedai.

"Walaupun sekarang MPSP ada kuasa untuk tutup kedai atau beri kompaun, tapi kita (MPSP) masih mahu beri pendidikan kepada peniaga," ulas beliau.

Tambahan pula, menurut Rozali, Pulau Pinang bakal menjadi tumpuan dunia sempena menganjuran (APMG) 2018 pada September 2018 yang mana soal kebersihan makanan adalah sesuatu yang tidak boleh dikompromi.

Terdahulu, Jabatan Kesihatan MPSP telah melaksanakan pemeriksaan dan penggredan terhadap 2,141 premis makanan di Seberang Perai bagi tempoh enam bulan iaitu Januari hingga Jun 2018.

Hasil pemeriksaan mendapati, premis Gred A dan B masih lagi rendah iaitu hanya 38.39 peratus atau bersamaan 822 premis, manakala premis yang mendapat Gred C (61.61%) atau sebanyak 1,319 premis.

## Hike @ Youth Park promosi gaya hidup sihat

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **MBPP**

**GEORGE TOWN –** Program Hike @ Youth Park yang dianjurkan baru-baru ini bertempat di Moongate Panggung Terbuka Taman Bandaraya bertujuan mempromosikan gaya hidup sihat serta aktif dalam kalangan warga negeri.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sentiasa memberi sokongan dalam penganjuran aktiviti melibatkan sukan dalam usaha pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan mendorong masyarakat dalam mengamalkan gaya hidup sihat.

Acara pelepasan para peserta disempurnakan Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang tepat jam 7.30 pagi.

Program berkenaan ternyata mendapat sambutan bukan sahaja dalam kalangan warga belia, dewasa dan kakitangan Majlis, malah juga 60 peserta cilik.

Hike @ Youth Park merupakan program kerjasama di antara MBPP dan



PARA peserta bergambar kenangan bersempena kejayaan penganjuran Program Hike @ Youth Park di sini baru-baru ini.

beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Pertubuhan Warga Bumi Hijau, Taiji dan kumpulan zumba.

Selain senaman dan persembahan zumba, para peserta turut berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah istimewa yang disediakan pihak penganjur.

## MPSP terima penarafan cemerlang 5 Bintang Pengauditan Pengurusan Kewangan

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menerima penarafan Lima (5) Bintang, iaitu tahap cemerlang berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) bagi tahun 2017, Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 6 Ogos lalu di bawah Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti).

Perkara itu dimaklumkan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo dalam sidang media dekat Bilik Mesyuarat, Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini 9 Ogos lalu.

Menurut Jagdeep, pencapaian terkini pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan adalah membabitkan sembilan elemen di bawah Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti).

"Sembilan elemen tersebut adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit, Kawalan Pengurusan Aset dan Stor, Kawalan Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Kawalan Pengurusan Penyata Kewangan.

"Tahniah atas pencapaian penarafan Lima Bintang menerusi Laporan Ketua Audit Negara kali pertama buat MPSP yang memperlihatkan pencapaian lebih baik berbanding sebelum ini.

"Pengauditan kali pertama MPSP adalah pada tahun 2010 dengan pencapaian Tiga Bintang (Baik), seterusnya kali kedua pada 2013 (Tiga Bintang) dan pada tahun 2017 merupakan kali ketiga MPSP diaudit dengan pencapaian 90.10 peratus iaitu tahap cemerlang Lima Bintang.

"(Dan) selepas ini, apa yang penting untuk dilakukan (oleh MPSP) adalah mengekalkan pencapaian yang diterima ini pada masa-masa akan datang," katanya yang menzahirkan rasa kagum dengan pencapaian PBT berkaitan sejak 2008.

Dalam pada itu, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud yang turut hadir pada sidang media berkenaan menyatakan, pihaknya akan mengambil maklum terhadap saranan Exco dalam mengekalkan pengiktirafan berkaitan.

"Malah, MPSP mengambil pendekatan sendiri bagi memastikan prestasi kewangan berada pada tahap cemerlang iaitu dengan memperkenalkan konsep Pengauditan Sendiri atau *'Self Auditing'* sejak 2016.

"Menerusi konsep ini, setiap Jabatan di bawah MPSP akan mengaudit sendiri pematuhan terhadap kriteria Pengurusan Kewangan sebelum diaudit oleh Jabatan Audit Negara.

"Saya yakin bahawa MPSP kini merupakan antara PBT terbaik di negara ini berdasarkan pelbagai pencapaian diterima sama ada di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan juga negeri," ujarnya yang bertekad untuk memastikan MPSP berada pada landasan terbaik kini.

Difahamkan, sejak 2015, Jabatan Audit Negara telah menaikkan penarafan cemerlang daripada Empat Bintang kepada Lima Bintang bagi memenuhi keperluan semasa sektor awam di samping memberi penilaian setara dengan penarafan oleh agensi lain.

Sebagai rekod, sejak 2009 sehingga kini, MPSP berjaya menerima 40 pengiktirafan sama ada di peringkat antarabangsa, nasional mahupun negeri dengan tiga rekod dipahat dalam *Malaysia Book of Records*.

# *Penang Hill Heritage Forest Challenge* promosi Bukit Bendera sebagai lokasi riadah

Gambar : **PHC**

**AIR PUTIH -** Kira-kira 1,000 peserta mengambil bahagian dalam penganjuran acara pendakian, *Penang Hill Heritage Forest Challenge 2018* baru-baru ini.

Pelepasan acara berkaitan disempurnakan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai tepat jam 7 pagi di Persiaran Kuari berhampiran Taman Botani di sini.

Ketika ditemui, Hon Wai berkata, acara yang diadakan secara tahunan itu merupakan suatu bentuk galakan dalam mempromosikan Bukit Bendera sebagai lokasi beriadah.

"Selalunya, Bukit Bendera sinonim dengan kereta kabel (furnikular) sahaja, tetapi dengan adanya *trail run* sambil *hiking* (mendaki) ini, kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) boleh mempromosikannya sebagai lokasi menarik untuk bersukan serta beriadah di lokasi eko pelancongan tersebut.

"Saya berharap penganjuran *Penang Hill Heritage Forest Challenge* ini akan menjadi satu acara yang lebih besar pada tahun-tahun mendatang dalam mempromosikan Pulau Pinang juga...seperti pepatah orang tempatan, 'anda tidak datang ke Pulau Pinang sekiranya tidak berkunjung ke Bukit Bendera'," ujarnya baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PHC), Cheok Lay Leng.

Pada acara tersebut, sebanyak 10 kategori dipertandingkan iaitu Lelaki dan Wanita Terbuka; Senior Lelaki dan Wanita; Junior Veteran Lelaki dan Wanita; Veteran Lelaki dan Wanita dan Junior Lelaki dan Wanita.

Bagi kategori Terbuka Lelaki, Muhammad Ramzan Jani mengungguli acara dengan catatan masa 1 jam 18 minit, manakala Ch'ng Suat Peng menempa kedudukan pertama bagi Kategori Terbuka Wanita dengan catatan 1 jam 38 minit 33 saat.

Lain-lain pemenang, Nik Fakaruddin Ismail (Senior Lelaki); N. Devandran (Veteran Junior Lelaki); Ching Lay Khim (Junior Veteran Wanita); Khir Salleh (Senior Veteran Lelaki) dan Kyo Swee Lin (Senior Veteran Wanita).




**WONG Hon Wai (dua dari kanan) dan Cheok Lay Leng (kanan sekali) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian pemenang penganjuran *Penang Hill Heritage Forest Challenge 2018* di sini baru-baru ini.**



# Taja kelas seni percuma, kaedah kreatif pupuk minat kanak-kanak

Gambar : **ADUN**

**BAGAN DALAM -** Bak kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungnya.

Justeru, dalam usaha mencungkil bakat si cilik terhadap kesenian, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees mengambil langkah kreatif dengan menaja Bengkel Art Kiddo.

Bengkel yang akan diadakan selama tujuh minggu sehingga 22 September itu dibuka khas kepada kanak-kanak berusia antara lima hingga 12 tahun.

Ketika ditemui, Satees berkata, kelas kesenian diadakan setiap hari Sabtu di C-Section, Nombor 14, Lorong Bagan Luar 2, Butterworth, Seberang Perai Tengah (SPT).

"Kelas ini diadakan dengan kerjasama *Z Art Eventive* dalam memupuk jiwa seni anak-anak kecil supaya mereka boleh terus bersemangat cintakan kesenian.

"Sebagaimana kita maklum, pekan Butterworth hari ini, bergerak ke arah sebuah pusat kesenian dikenali sebagai *Butterworth Art Walk*.

"Jadi saya harap, dengan adanya kelas sebegini, pada masa hadapan, bolehlah anak-anak ini menjadi penyumbang kepada aktiviti kesenian dan karya-karya mereka dapat dihayati nanti," ujarnya ketika mengadakan lawatan khas ke kelas berkaitan di sini baru-baru ini.

Difahamkan, majlis graduasi turut akan diadakan khas buat kanak-kanak yang mengikuti kelas kesenian tersebut.

Bagi yang tidak berkesempatan menyertai kelas tersebut, boleh membuat pendaftaran di Pusat Khidmat ADUN Bagan Dalam di Jalan Capri Off Jalan Heng Choon Thien, Butterworth bagi mengikuti sesi kedua yang dijangka pada Oktober ini.



**M. Satees (kemeja putih) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian kanak-kanak yang menyertai program Bengkel Art Kiddo di sini baru-baru ini.**

## Lengkapkan diri dengan ilmu digital, seru ADUN

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADUN**

**BATU UBAN –** A. Kumaresan berkata, para pelajar perlu melengkapkan diri dengan keadaan semasa melalui ilmu pengetahuan termasuk bidang pendigitalan.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban itu, ibu bapa digesa untuk merebut peluang yang wujud di sekeliling bagi melengkapkan anak masing-masing dengan pendidikan, pendigitalan dan Industri 4.0.

"Para pelajar seharusnya melengkapkan diri masing-masing dengan keadaan semasa dan ilmu pengetahuan, memandangkan Malaysia kini menjurus ke arah pendigitalan sejajar dengan keperluan.

"Malah, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang hari ini turut menyediakan platform dengan menganjur serta membiayai pelbagai program berkonsepkan pendidikan.

"Justeru, rebutlah peluang ini dengan menghantar anak-anak untuk menyertainya bersama-sama," ujarnya pada penganjuran Bengkel Saintis Muda Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Batu Uban, Kelvin Lew.

Bengkel anjuran Pusat Khidmat Batu Uban dengan kerjasama *Tech Dome Penang* (TDP) itu berlangsung di Dewan JKKK Taman Pekaka.

Penganjuran berkaitan mendapat sambutan memberangsangkan apabila kira-kira hampir 25 pelajar mengambil peluang memanfaat cuti hujung minggu baru-baru ini.



**A. Kumaresan (berdiri, kanan sekali) beramah-mesra dengan para peserta Bengkel Saintis Muda KADUN Batu Uban di sini baru-baru ini.**

## Masalah bumbung astaka bocor selesai, MP cadang teruskan fasa kedua

**SERI DELIMA –** Masalah bumbung bocor dan rosak di Astaka Taman Tun Sardon dekat sini, selesai.

Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh ketika ditemui baru-baru ini berkata, selaku wakil rakyat bagi kawasan Parlimen tersebut, beliau telah memperuntukkan RM9,500 bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan bumbung astaka berkaitan.



**RAMKARPAL Singh (kanan sekali) menunjukkan antara serpihan struktur bumbung yang rosak di Astaka Taman Tun Sardon di sini baru-baru ini.**

"Hari ini (11 Ogos 2018), kita akan lihat keadaan bumbung yang telah siap dibaiki setelah dua minggu kerja-kerja pembaikannya dilaksanakan oleh kontraktor berwajib.

"Sebelum ini, aduan daripada peniaga di sini bahawa terdapat struktur bumbung yang bocor dan rosak serta serpihan yang jatuh ke lantai.

"Walau bagaimanapun, bukan setakat baiki bumbung sahaja, pihak saya akan melihat lain-lain keperluan yang boleh dilaksanakan seperti pembaikan longkang dan paip saliran bagi memberikan keselesaan bukan sahaja kepada peniaga di sini, malah pengunjung yang mengunjungi Astaka Taman Tun Sardon ini," katanya yang turut mencadangkan untuk meneruskan fasa kedua dan berikutnya dalam waktu terdekat ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Rohaizat Hamid.

Mengulas lanjut, Ramkarpal berkata, pengurusan astaka dan kompleks makanan rata-ratanya terletak di bawah kelolaan agensi persekutuan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU).

"(Dan) desakan daripada Syerleena sendiri, supaya pengurusan premis astaka ini 'dipindahkan' kepada pihak negeri, yang mana dilihat lebih releven kerana ia membabitkan kawasan setempat.

"Saya faham (desakan tersebut), kerana mana-mana fasiliti yang bukan di bawah kelolaan negeri, amat sukar untuk memohon peruntukan bagi kerja-kerja pembaikan, malah mengambil masa lama.

"Jadi, selaku Ahli Parlimen saya akan melihat dengan lebih lanjut perkara ini dan berharap ia (cadangan memindahkan pengurusan) mendapat pertimbangan sewajarnya," ujarnya.

Difahamkan, Astaka Taman Tun Sardon mula beroperasi sejak awal tahun 1980-an lagi.

**Bakat Si Cilik - Mewarna 1 / 2018**

# saya anak MALAYSIA



Sila isi butiran berikut:

Nama : ..................................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ..................................................

Alamat: ..................................................

..................................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ..................................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) : ....................

Emel: ..................................................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **1 Julai 2018** hingga **30 September 2018.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM250**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**10 Hadiah Saguhati**